



Elak kes tertinggal anak

KPWKM gariskan beberapa saranan boleh diamalkan ibu bapa

KUALA LUMPUR

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) semalam, menggariskan beberapa saranan yang boleh diamalkan ibu bapa atau penjaga kanak-kanak bagi mengelak kes tertinggal anak di dalam kenderaan, sehingga menyebabkan kecederaan atau kematian berulang.

Menterinya, Datuk Seri Rohani Abdul Karim berkata, pihaknya memandang serius isu kecuatan ibu bapa meninggalkan anak di dalam kenderaan, menyebabkan lima kematian

kanak-kanak dan bayi sejak 2016.

Merurutnya, antara langkah pencegahan adalah menyarankan ibu bapa meletakkan kanak-kanak di kerusi khas dalam kenderaan khusus untuk bayi dan kanak-kanak berumur 5 tahun ke bawah, meletakkan bayi di tempat duduk dan pakalkan tali pinggang keledar dengan kemas, kanak-kanak tidak boleh diletakkan di tempat duduk belakang khususnya di belakang kerusi pemandu kerana ia adalah titik buta.

Selain itu katanya, ibu bapa yang membawa bayi atau kanak-kanak dalam kenderaan disarankan meletakkan barang penting seperti beg tangan di bahagian belakang mengikut kesesuaian sama ada di atas kerusi atau di ruang kaki penumpang, atau meletakkan beg keperluan anak di tempat duduk hadapan bagi mengingatkan anak ada di bahagian belakang.

Rohani berkata demikian ketika

menjawab soalan Senator Datuk Shahanim Mohamad Yusoff mengenai pendekatan diambil kerajaan bagi menangani kes kematian bayi akibat tertinggal di dalam kenderaan untuk mengelak kes seumpama itu berulang pada persidangan Dewan Negara di sini, semalam.

Selain itu katanya, penjaga disarankan meletakkan label atau tag pada pemegang pintu kenderaan bagi mengingatkan mereka bahawa anak-anak ada bersama di tempat duduk penumpang dan amalkan memeriksa semua ruang tempat duduk sebelum mengunci dan tinggalkan kenderaan.

"Ibu bapa juga boleh hantar pesanan kepada pasangan, pengasuh atau sekolah memaklumkan kanak-kanak ada dengan mereka.

Jadi, apabila pengasuh hubungi ibu bapa dan memberitahu anak mereka tidak berada di tempat asuhan dan sekolah

pada waktunya, secara tidak langsung mengingatkan ibu bapa ini di mana anak mereka berada," katanya.

Rohani berkata, meskipun langkah itu dilihat sebagai 'redundant step' namun ia mampu membantu ibu bapa elak berlaku kes kecuatan sehingga mengakibatkan kanak-kanak lemas atau meninggal dalam kenderaan.



ROHANI

info • Letakkan kanak-kanak di kerusi khas dalam kenderaan

• Meletakkan bayi di tempat duduk dan pakaikan tali pinggang keledar dengan kemas

• Kanak-kanak tidak boleh diletakkan di tempat duduk belakang

• Letak barang penting seperti beg tangan di belakang atau beg keperluan anak di bahagian hadapan

• Letak label atau tag pada pemegang pintu kenderaan dan periksa semua ruang tempat duduk sebelum mengunci dan meninggalkan kenderaan